

# Terpaksa 'bercuti' turun ke laut

BH 20/11/2024 P9 16

## Nelayan cari kerja lain hadapi tengkujuh, bergantung bantuan ESHN

Oleh Siti Rohana Idris  
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Musim tengkujuh yang hampir tiba dan cuaca yang tidak menentu kebelakangan ini menyebabkan nelayan di Pulau Gajah, di sini sudah menaikkan perahu kolek masing-masing ke darat.

Selama dua hari bermula, Jumaat dan Sabtu lalu, semua 23 perahu kolek dinaikkan ke tebing untuk kerja pembaikan sementara tamat musim tengkujuh dan nelayan boleh kembali ke laut.

Nelayan, Mat Wi Mat, 60, berkata perahu kolek di kampung itu lazimnya dinaikkan pada awal atau pertengahan November dan dalam tempoh itu aktiviti menangkap hasil laut juga terhenti.

"Buat masa ini, masih ada yang turun ke laut dengan menggunakan bot fiber dan ia bergantung kepada cuaca namun sejak dua hari lalu ombak sangat besar dan nelayan tidak berani turun ke laut.

"Dalam tempoh musim tengkujuh, pemilik perahu kolek biasanya akan membuat selenggara atau membaiki apa-apa kerosakan yang terdapat pada kolek itu," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Mat Wi berkata, setahun sekali kerja pembaikan akan dibuat termasuk menukar kayu lantai kolek dan mengecat bagi mengelakkan warna perahu luntur.

Bagi Mohd Farid Mustafa, 46, sepanjang tempoh tidak dapat turun ke laut, dia membantu mengecat perahu kolek nelayan sekitar, namun hanya dibuat ketika hari tidak hujan.

"Kerja mengecat hanya dibuat pada hari tidak hujan dan biasanya pada akhir musim tengkujuh kerana ketika itu hujan pun bukan setiap hari berlaku.

"Ada juga nelayan yang ingin membuat pembaikan untuk kerosakan besar atau 'sobek' perahu kolek dan untuk kerja itu, te-

naga mahir dari Thailand sendiri yang akan datang," katanya.

Bagi lebih 50 nelayan di Pulau Gajah, sepanjang tempoh 'bercuti' pada musim tengkujuh dimanfaatkan dengan menjalankan pekerjaan lain termasuk menjadi tukang rumah namun ada juga segelintir terutama warga emas hanya bergantung kepada Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN).

### Ombak besar

Mohd Zakaria Hussin, 67, berkata, meskipun perahu koleknya sudah dinaikkan ke tebing pada Sabtu lalu, dia bersama seorang anaknya tetap mencuba nasib turun ke laut menggunakan bot fiber milik mereka.

"Tapi sudah dua hari ombak besar jadi rasanya tempoh kami (nelayan) untuk 'bercuti' dari turun ke laut sudah bermula dan saya yang sudah berumur ini hanya bergantung kepada ESHN sebanyak RM300 sebulan," katanya.

Di Putrajaya, BERNAMA melaporkan luruan monsun membawa hujan lebat berterusan yang kini berlaku di timur dan selatan Semenanjung dijangka berlanjutan hingga hujung November ini.

Ketua Pengarah Jabatan Me-



Mat Wi menyelenggara dan membaiki perahu kolek miliknya.

(Foto Siti Rohana Idris/BH)

teorologi Malaysia (MET Malaysia), Datuk Mohd Hisham Mohd Anip dalam kenyataan semalam, berkata analisis ramalan cuaca terkini menunjukkan kekuatan luruan monsun diramal meningkat pada 27 November hingga 1 Disember, iaitu keadaan berkenaan berpotensi menyebabkan hu-

jan sangat lebat dan berterusan di timur Semenanjung dalam tempoh itu.

METMalaysia sentiasa memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengemas kini amaran hujan berterusan sekiranya keadaan cuaca dijangka bertambah buruk.